

BAHASA MELAYU

(Oleh Musyfa')

Di sini rasa saya moleklah saya menerangkan kepada sekalian tuan-tuan yang bijaksana lagi dihormati dan dikasihi umat Melayu raya pembaca-pembaca majalah "Qalam" yang permai serta bertujuan bagi kebajikan dan kemajuan bangsa kita Melayu am di alam kemodenan zaman sekarang ini, bahawasanya adapun sebab berulang-ulang kali yakni setiap kali keluaran majalah ini adalah sahaja rencana atau pun leteran saya, ialah tiada lain melainkan menandakan tulus ikhlas saya hendak bekerjasama di atas kadar diri saya yang lemah dan pengetahuan saya yang tohor sahaja, dengan sekalian saudara-saudara saya umat Melayu yang sedang berusaha dengan menubuhkan beberapa lembaga-lembaga bahasa Melayu supaya bahasa kita Melayu di Malaya ini menjadi bertambah molek susunannya dan berguna seperti bahasa-bahasa lain yang masyhur di dunia zaman sekarang ini.

Apa yang saya telah hidangkan selama ini ke majlis pembaca-pembaca "Qalam" ini tidaklah saya mengaku kesemuanya betul dan boleh memuaskan hati sekalian tuan-tuan pembacanya kerana sesungguhnya tidak sunyi saya daripada kelemahan, salah dan khilaf. Jika sekiranya mana-mana ada yang molek dan betul silalah jadikan dia tauladan, tetapi jika sebaliknya jadikan dia sempadan, yakni berhentilah di situ dan jangan diturut lagi. Sememang terdahulu daripada ini saya telah mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Taala dan juga mengtahniahkan sekalian sanak saudara kita yang telah menubuhkan suatu Lembaga Bahasa Melayu di Singapura itu dan kemudian telah di tauladani pula di negeri-negeri lain di Malaya mudah-mudahan tuan-tuan itu akan kelak bermahkotakan kejayaan yang cemerlang dan bersinggahsana dan memerintah alam persuratan Malaya yang lapang dengan keamanan semuafakat yang dicita-cita selama ini – Insyaa-Allah!

Adapun yang mendukacitakan saya sekarang ialah bertambah-tambah galak setengah daripada penulis-penulis muda kita menggunakan loghat-loghat

atau peribahasa-peribahasa baharu dengan tidak berfikir lagi salah atau betul hanya mengikut apa sahaja yang terlintas di hatinya masing-masing ataupun menurut-menurut sahaja apa orang-orang lain tulis di akhbar-akhbar dan majalah-majalah. Maka itulah dijadikannya pemandu-pemandu. Iaitu seperti :-

1 – Banyak dan bertambah banyak lagi sekarang yang menggunakan perkataan "mereka" dengan ditambah angka Arab "2" yang menjadikan perkataan itu berulang-ulang seperti :- "diberitahu kepada sekalian mereka-mereka bahawa . . ." (ini sebagaimana tersebut di dalam notis-notis kerajaan) _ "mereka-mereka yang berkehendakan kitab-kitab agama dan buku-buku pelajaran dipersilakan menulis surat kepada kadi . . . di Jalan . . ." – dan ada pula yang mengiklankan barang-barang perniagaannya dengan "boleh berdamai dengan Tuan Manager And Company" (adapun berdamai itu kemudian daripada telah berkelahi atau bermusuh) . Bukan ini sahaja bahkan di akhbar-akhbar dan majalah-majalah Melayu se-Malaya pun sekarang memakai "mereka" itu. Pada faham saya, adapun perkataan "mereka" itu tertentu bagi bilangan yang lebih daripada satu atau ramai, tetapi mengapakah ditambah angka "2" supaya berulang-ulang bunyinya yang bererti ramai?. Barangkali juga ada sesuatu rahsia bahasa yang khas di dalam bahasa Melayu yang membezakan antara "mereka" dengan "mereka-mereka" yang saya jahil pada yang demikian yang tersembunyi itu! Maka oleh sebab inilah saya harap kepada siapa-siapa jua pun dari tuan-tuan pembaca berihisan menerangkan dengan ikhlas kepada saya apa yang saya tidak tahu dan mengucapkan saya banyak terima kasih terlebih dahulu kepadanya.

2 – Di dalam sebuah surat khabar harian di Malaya seorang penulisnya baharu-baharu ini telah menulis : - "kurang lebih . . ." bila ditanya, maka seorang taulan saya menjawab: "Oh! ini menurut gaya bahasa Melayu baharu orang-orang Indonesia. Supaya jangan serupa dengan susunan bahasa Belanda atau bahasa Inggeris More Or Less (More Or Less)". Jawapan yang demikian saya tidak percaya dan saya salahkan kerana saudara-saudara kita orang-orang Melayu di Indonesia ada banyak menggunakan perkataan-perkataan atau gaya-gaya susunan bahasa Belanda

sebagaimana kita orang-orang Melayu di Malaya banyak memakai perkataan-perkataan dan gaya bahasa Inggeris. Orang-orang Inggeris berkata “We eat rice” (Kita makan nasi) mengapakah kita pun kata makan nasi juga - tidak, kita nasi makan” – atau “nasi kita makan” – atau “ nasi makan kita” supaya berlainan daripada ikatan loghat Inggeris itu?

3 – Di dalam akhbar “Majlis” 20 Februari 1951 berkenaan dengan hal aturan adat membahagi harta pusaka dari ibu, maka seorang penulis budiman yang menyokong aturan adat lama yang salah pada Islam itu telah menulis di antara buah butir-butir peluru pertahanannya hendak menegakkan benang basah yang panjang itu “ kita semua patut mengucapkan “lautan terima kasih” kepada. iaitu suatu rekaan yang mengatasi rekaan “ribuan terima kasih” yang telah bertambah-tambah banyak ahli atau pendeta bahasa Melayu “Moden” memakainya sekarang. Kemudian daripada itu baharu-baharu ini di dalam sebuah majalah seorang penulis telah pula menulis “patut sangat dipupukkan” gunung terima kasih” ke atas.”


Nampaklah pada perhatian saya, adalah sekarang penulis muda kita sedang berlawanan-lawanan kelebihan beratas-atas seorang di atas yang lainnya dengan menggunakan apa sahaja perkataan yang terlintas di hatinya. Harus juga sedikit hari lagi seorang lain mendakyahkan rekaannya pula “ke langit terima kasih menyerkup ke atas.” kerana dipupukkan itu tidak berapa banyak dan harus tidak meliputi dan tambahan lagi langit terlebih tinggi dan terlebih besar daripada sebesar-besar gunung di atas bumi dan manakala langit runtuh tentulah terserkup apa jua yang ada di atas bumi semua sekali lautan-lautan gunung-gunung, hutan rimba, dan yang berjua bernafas dan tidaknya.

Jika sekiranya berturutan perlawanan ini nescaya berlakulah kelak seperti si tamak menyangkakan dirinya bijaksana mengisi minyak ke dalam pasu sehingga penuh separas bibir mulut pasu itu, kemudian terkenang ia bahawa ia di sebelah bawah pasu itu ada terlekuk yang di situ pun boleh dimasukkan juga minyak itu, lalu dinunggitkannyalah (diterbalikkan) pasu itu mulutnya ke bawah dan lekuk di buntut pasu itu ke atas, maka di situlah diisinya minyak – minyak yang banyak habis tercurah ke tanah, hanya yang sedikit di lekuk buntut pasu itulah sahaja tinggal kepadanya.

Racun itu dengan mudah orang dapat segera mengetahuinya. Tetapi perkataan-perkataan yang beracun banyak orang yang tertipu kepadanya kerana ia di bungkus dengan gula-gula yang lebih manis daripada madu. Muhammad Ali.

-----*-----*-----
Manusia yang sangat banyak mendapat bahaya dan mendapat kesusahan iaitu mereka yang mempunyai lidah terlepas dan hati tertutup. Ia tidak tertahan dan tidak sempurna berkata-kata. Seorang alim.

-----*-----*-----



Shah Iran dengan permaisurinya yang baharu setelah berkahwin di Tehran baharu-baharu ini.